

Pg. P.U. 34.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN AWAM)
MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG, 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen-seksyen ^{Akta 171.} 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan ^{Nama.} Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) Majlis Perbandaran Pulau Pinang, 1980.

1. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ^{Tafsiran.} ayatnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

“Tempat Longgok Sampah Majlis” ertinya tempat longgok sampah yang ditubuh dan diselenggarakan oleh Majlis;

“Sampah dapur” ertinya sampah yang terdapat dari kegiatan-kegiatan rumah tangga dan tidak termasuk ‘sampah tred’, ‘sampah kebun’ atau ‘sampah kandang’;

“Bekas Sampah Rumah tangga” ertinya bekas sampah yang disediakan oleh pemunya atau penghuni sesebuah bangunan bagi tujuan membuang sampah dapur;

“Siar kaki” termasuk siar kaki dan jalan kaki lima di tepi-tepi jalan;

“sampah kebun” ertinya sampah dari kebun dan kegiatan-kegiatan pertanian;

“Kemudahan bagi Orang ramai” ertinya tandas, tempat buang air kecil, jamban pam, besen cuci tangan, kolah dan tempat mandi yang ditubuh, dibina dan/atau diselenggarakan oleh Majlis;

“pegawai awam” termasuk mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis untuk menjalankan semua atau sebarang kuasa yang diberi ke atas pegawai awam itu oleh atau di bawah undang-undang kecil ini;

“Bekas Sampah Awam” ertinya bekas sampah yang disediakan oleh Majlis;

“sampah kandang” ertinya tahi atau air kencing kuda, lembu kerbau, kambing biri-biri, kambing atau babi dan sampah yang disapu atau sampah atau saluran dari sebarang kandang kuda, kandang lembu kerbau atau tempat kurung kambing biri-biri, kambing, babi, atau ayam itik;

“sampah tred” ertinya sampah sesuatu tred, pembuatan atau perniagaan, atau sampah dari apa-apa kendalian bangunan;

“kenderaan” ertinya sebarang kenderaan yang digerakkan secara bersawat atau dengan cara lain.

2. Tiada sesiapa jua boleh membuang atau meletak atau menyebabkan dibuang atau diletak sebarang tanah, habuk kayu, sampah, najis manusia, air kencing, mayat atau bangkai atau mana-mana bahagian darinya di atau ke atas sebarang jalan, lorong belakang, siar kaki atau aked atau ke dalam atau ke atas sebarang tanah atau kawasan lapang di mana orang ramai lalu lalang atau ke dalam atau ke atas tebing mana-mana sungai, terusan, parit atau alur air atau ke dalam atau ke atas pesisir.

^{Meletak sampah di atas jalan raya dsbnya adalah dilarang.}

- Halangan. 3. Tiada sesiapa jua boleh meletakkan atau meninggalkan di mana-mana jalan, tempat awam atau lorong belakang atau mana-mana bahagian darinya (kecuali bagi sementara waktu) sebarang benda atau barang yang mungkin menyebabkan halangan atau memasang sebarang bidai, kajang atau unjuran yang lain di atas tempat yang tersebut di atas tanpa keizinan Majlis secara bertulis dan di mana keizinan sedemikian telah diberi, alat sedemikian itu hendaklah dijaga supaya bersih, berada di dalam keadaan yang baik dan dipasang dengan sempurna.
- Mendirikan Talian dsbnya. 4. Tiada sesiapa jua boleh merintangkan sebarang talian, dawai, talikod atau galah melintasi mana-mana jalan, tempat awam atau lorong belakang tanpa keizinan Majlis secara bertulis.
- Benda-benda tidak boleh diletak di atas Jalan raya, dsbnya. 5. Tiada sesiapa jua boleh dengan sendirinya atau melalui ejennya atau pekerjanya meletak atau menyebabkan diletak sebarang habuk kayu, ikan kering, bahagian-bahagian dari ikan kering, sirip yu, "beche-de-mer", otak udang, belacan, pinang atau sebarang benda lain yang mungkin menyebabkan halangan di atas mana-mana jalan, tempat awam, lorong belakang, siar kaki, aked atau di atas sebarang kawasan lapang di mana orang ramai lalu lalang atau ke dalam sebarang parit. Sebarang benda yang diletak begitu atau disebabkan diletak begitu boleh diangkat dan dimusnahkan oleh Majlis tanpa merujuk kepada pemunya benda-benda tersebut.
- Barang-barang tidak boleh dijemur di atas Jalan raya, dsbnya. 6. Tiada sesiapa jua boleh dengan sendirinya atau melalui ejennya atau pekerjanya menjemur atau menyidai atau meletak bagi tujuan menjemur sebarang kain atau pakaian, kain buruk, kain layar, kulit binatang, bulu, tulang, kayu api atau sebarang benda yang lain di atas pagar tumbuhan, susur, pagar, papan dinding atau bangunan yang lain yang merupakan harta awam atau harta Majlis atau di atas tebing sebarang sungai, terusan, longkang atau parit atau di atas sebarang jalan, siar kaki, aked atau lorong belakang atau di atas sebarang kawasan lapang di mana orang ramai lalu lalang.
- Membawa bahan-bahan binaan, dsbnya. 7. Tiada sesiapa jua boleh memandu sebarang kenderaan yang membawa batu, balas, tanah, bata atau bahan yang lain tanpa menentukan dengan sempurna yang bahan-bahan itu tidak akan jatuh ke atas mana-mana jalan.
- Membawa kayu. 8. Tiada sesiapa jua boleh membawa kayu atau bahan-bahan yang lain di dalam sebarang kenderaan di mana-mana jalan tanpa mengikat kayu itu dengan sempurna supaya tidak menyeret di atas jalan atau merosakkan jalan itu.
- Sampah Dapur. 9. (i) Pemunya atau penghuni setiap bangunan hendaklah menyediakan sendiri bekas-bekas sampah yang sesuai lagi mencukupi dengan tudung yang ketat dari penentuan dan jenis yang diluluskan oleh Pegawai Kesihatan dan bekas-bekas sampah ini hendaklah dijaga dengan baik oleh penghuni.
(ii) Semua sampah dari bangunan itu hendaklah dibuang ke dalam bekas sampah sedemikian itu yang mana hendaklah diletak tiap-tiap hari untuk dibuang sampahnya baik di pintu besar bangunan ataupun di tepi kaki lima atau di dalam tempat sampah, atau bersampingan bangunan itu atau di tempat-tempat seperti mana yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

10. (i) Majlis boleh menghendaki pemunya sebarang bangunan yang mengandungi lebih dari setingkat supaya menyediakan pelongsor sampah, "refuse hoppers" dan tempat sampah yang mencukupi dan dari saiz yang sesuai. Pelongsor Sampah.
- (ii) Di mana pelongsor sampah disediakan di dalam sesebuah bangunan, penghuni hendaklah membuang semua sampah ke dalam pelongsor sampah itu saja.
11. Tiada sesiapa jua boleh mengais atau mencungkil atau mengambil sesuatu dari atau menumpahkan atau menabur atau membiarkan supaya terdedah isi bekas sampah Majlis, gadi sampah Majlis atau sebarang bekas sampah persendirian, kecuali dibenarkan oleh Majlis. Mencungkil dari bekas sampah.
12. Tiada sesiapa jua boleh meletak sebarang tahi binatang atau najis manusia atau sampah kebun atau sampah kandang atau bangkai, atau mayat di dalam sebarang bekas sampah dapur atau bekas sampah awam. Meletak tahi binatang, najis manusia dsb. di dalam bekas sampah.
13. Tiada sesiapa jua boleh menempatkan atau meletak sebarang bahan peledak di dalam mana-mana bekas sampah. Bahan Peledak.
14. Tiada sesiapa jua boleh meletak sesuatu di sebarang Tempat Longgok Sampah Majlis atau mengais atau mencungkil atau mengambil sesuatu dari tempat tersebut kecuali dibenarkan oleh Majlis. Mencungkil dari dan menggunakan tempat longgok sampah Majlis.
15. Tiada sesiapa jua boleh merendam atau membasuh di dalam sebarang sungai, terusan, kolam awam, longkang, parit atau alir air sebarang kulit binatang, mencelup pakaian atau lain-lain benda yang mungkin menjadikan air sungai, terusan, kolam longkang parit atau kolam air sedemikian itu berbau busuk atau berbahaya dan tiada sesiapa jua boleh membiarkan sebarang air di dalam mana kulit binatang, pencelup pakaian atau lain-lain benda telah direndam atau dibasuh mengalir ke dalam sebarang sungai, terusan, kolam awam, longkang parit atau alir air, tanpa keizinan Pegawai Kesihatan secara bertulis. Mencemarkan sungai-sungai dsbnya.
16. Tiada sesiapa jua boleh menghalang sebarang parit awam atau membina sebarang tangga, jambatan atau pelantar di atas sebarang parit awam, sungai atau terusan tanpa keizinan Majlis secara bertulis. Menghalang parit dsbnya.
17. (i) Tiada sesiapa jua boleh melakukan kacau ganggu dengan membuang air kecil atau besar di dalam atau di atas sebarang tempat awam atau pesisir, atau membenarkan siapa pun jua yang berumur kurang dari dua belas tahun di bawah jagaannya melakukan perkara tersebut. Membuang air kecil dan besar.
- (ii) Sekiranya sebarang kesalahan adalah dilakukan di bawah seksyen ini oleh siapa jua yang berumur kurang dari dua belas tahun, orang yang menjaga budak itu akan dianggap sebagai telah membenarkan kesalahan itu dilakukan.
18. (i) Sekiranya mana-mana binatang mati di dalam tanah atau bangunan seseorang, pemunya atau penghuni, ia hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, mengangkat dan menanam bangkai itu di dalam masa empat jam selepas kematian binatang itu atau jika kematian berlaku pada waktu malam, di dalam masa empat jam selepas matahari naik atau mengurus supaya Majlis melupuskannya. Perlupusan karkas.

(ii) Tiada sesiapa jua boleh meletak atau menyebabkan diletak sebarang mayat atau bangkai atau mana-mana bahagian dari mayat atau bangkai di atas mana-mana jalan, tempat awam atau lorong belakang atau ke dalam sebarang parit, sungai atau alir air atau ke atas tebing sebarang sungai, alir air atau terusan atau di atas sebarang pesisir.

- Mengangkat
Puin. 19. Sekiranya sebarang bangunan, tembok, beranda atau bahagian mana-mana bangunan, pokok atau sebarang bentuk puin dari mana-mana bangunan jatuh ke atas sebarang tempat awam, pemunya tempat awam, tembok atau sebahagian dari mana-mana bangunan atau pokok sedemikian hendaklah dengan serta merta mengangkat barang-barang yang jatuh itu dan sekiranya pemunya itu lalai berbuat demikian, ianya boleh diangkat oleh Majlis dan sebarang perbelanjaan yang terlibat berkaitan dengan kerja itu akan didapatkan balik daripada pemunya.
- Bermain
layang-layang. 20. Tiada sesiapa jua boleh bermain layang-layang di sebarang jalan raya.
- Langkah-
langkah
yang ditetapkan
bagi Kesela-
matan jalan
raya tidak
boleh diubah. 21. Tiada sesiapa jua boleh menurunkan, mengganggu, menukar atau membuang sebarang notis, pagar, palang, rantai atau tiang atau memadamkan, mengubah menurunkan atau mengganggu sebarang lampu yang diletak di mana-mana tempat awam bagi tujuan keselamatan atau kemudahan awam untuk menahan atau mengaturkan perjalanan pejalan kaki, basikal, kenderaan atau binatang semasa mana-mana tempat awam sedang atau perlu diperbaiki atau semasa kerja-kerja yang lain sedang dijalankan mengikut atau di bawah perintah Majlis.
- Menjaga
Binaan-binaan
Sementara. 22. Sesiapa jua yang kepadanya keizinan diberi untuk mendirikan sebarang tiang, meja, peranca atau binaan sementara yang lain atau untuk membuat sebarang lubang atau galian hendaklah, atas perbelanjaannya sendiri, menyebabkan barang-barang, peranca, lubang atau galian sedemikian di pagar dan disekat dengan secukupnya sehingga barang-barang itu diangkat atau lubang itu ditimbus atau menjadikannya selamat dan hendaklah menyebabkan perkakas-perkakas itu dipasang dengan lampu dengan secukupnya pada waktu malam.
- Kereta lembu
dan kereta
kerbau. 23. Setiap pemandu kereta lembu atau kerbau hendaklah membawa sebuah bakul dan dengan menggunakan bakul itu, hendaklah mengambil semua langkah yang berpatutan untuk mengelak meninggalkan tahi lembu atau kerbau di atas sebarang jalan.
- Menambat
Binatang. 24. Tiada sesiapa jua boleh menambat binatang atau meninggalkan sebarang gadi atau mendirikan perkemahan di atas mana-mana tempat awam tanpa keizinan Majlis secara bertulis dan tanpa mengikut arahan-arahannya.
- Bangkai
Binatang. 25. Bangkai sebarang binatang tidak boleh dipotong di dalam mana-mana tempat awam.
- Pembinaan
parit di Jalan
raya dsb. 26. Tiada sesiapa jua boleh membina sebarang alur alir atau mengalirkan air melalui sebarang terusan menyeberangi jalan raya kecuali dengan cara yang telah diluluskan oleh Majlis secara bertulis terlebih dahulu dan tiada sesiapa jua boleh melincungkan sebarang sungai atau alir air awam bagi apa sebab sekalipun tanpa mendapatkan keizinan bertulis daripada Majlis terlebih dahulu.

27. (i) Tiada sesiapa jua tanpa mendapatkan keizinan Majlis secara bertulis terlebih dahulu boleh dengan sendirinya atau melalui ajennya atau pekerjanya menampal sebarang iklan, risalah, notis atau sebarang kertas ke atau di mana-mana bangunan, tembok, pagar, susur, pagar tumbuhan, tiang atau pokok yang merupakan harta awam atau Majlis atau menulis di atau mengotorkan atau menconteng sebarang bangunan, tembok, pagar, susur, pagar tumbuhan, tiang atau pokok dengan kapur, cat atau mana-mana cara sekalipun.

Iklan tidak boleh ditampal tanpa kebenaran.

(ii) Sebarang penampalan, pengotoran atau contengan secara haram boleh dihilang atau dipadamkan oleh Majlis dan perbelanjaan yang dikeluarkan bagi kerja tersebut hendaklah dibayar oleh orang yang melakukan kesalahan itu.

28. (i) Tanpa mendapatkan keizinan Majlis secara bertulis terlebih dahulu tiada sesiapa jua, kecuali pekerja atau agen Majlis yang diberi kuasa, boleh mengangkat najis dari sebarang tandas yang terletak di dalam sesuatu kawasan di mana sistem mengangkat najis ada dipakai oleh Majlis.

Mengangkat najis.

(ii) Tiada sesiapa jua boleh membawa di atau melalui mana-mana jalan sebarang najis, air kencing, ikan busuk, najis binatang yang busuk atau nasi basi atau benda-benda busuk yang lain kecuali jika dibawa di dalam bekas-bekas yang tidak boleh masuk udara dan air yang hendaklah disediakan oleh orang itu dan diluluskan oleh Majlis.

29. (i) Pemunya sebarang tandas hendaklah, jika dikehendaki oleh Majlis, membina dan mengaturnya semula sehingga memuaskan pihak Majlis.

Tandas-tandas.

(ii) Jika dikehendaki oleh Majlis, penghuni sesebuah bangunan itu hendaklah menyedia atau menukarkan tong-tong najis yang baru dan alat-alat sedemikian yang lain dari ukuran, bentuk dan bahan sepertimana yang dinyatakan oleh Majlis.

(iii) Sekiranya mana-mana penghuni tidak menyedia atau menukarkan tong-tong najis tersebut di dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis, Majlis boleh menyedia atau menukarkan tong-tong najis yang baru atas perbelanjaan penghuni.

(iv) Pekerja dan agen Majlis hendaklah dibenarkan masuk dengan bebas ke semua bangunan di dalam kawasan di mana ada perkhidmatan mengangkat najis untuk tujuan memungut dan mengangkat najis di antara pukul 6.00 pagi dan 6.00 petang tiap-tiap hari.

30. Tiada sesiapa jua, boleh menggunakan kemudahan bagi orang ramai untuk tujuan membasuh pakaian atau mandi—

Mandi atau membasuh pakaian di dalam Kemudahan Bagi Orang ramai.

Kecuali mandi dibenarkan jika tempat mandi disediakan khusus untuk tujuan itu.

31. (i) Tiada sesiapa jua boleh merosakkan sebarang kemudahan bagi orang ramai atau merosakkan atau mencuri sebarang pemasangan atau paip air di dalam mana-mana kemudahan bagi orang ramai.

Perbuatan jahat.

(ii) Sesiapa yang tidak diberi kebenaran tidak boleh mengambil air dari sebarang kemudahan bagi orang ramai.